

PM garis syarat Malaysia boleh setanding negara Eropah

UM 24 MAR 2002

WARSAW 23 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Malaysia boleh mencapai kemajuan setanding negara Eropah sekiranya semua pihak termasuk ahli perniagaan bekerja kuat, amanah dan tidak mengambil kesempatan mengaut keuntungan secara mudah.

Perdana Menteri menegaskan, perkara itu tidak mustahil dilakukan jika kita mempunyai keinginan berbuat demikian kerana Malaysia mempunyai pelbagai kemudahan untuk menuju ke arah itu.

“Tidak mustahil bagi kita mencapai taraf kemajuan seperti mereka, jika kita ingin. Soalnya sekarang ialah sama ada kita hendak atau tidak,” ujarnya.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa berucap pada majlis jamuan malam anjuran ahli perniagaan Malaysia yang mengikuti rombongan Perdana Menteri ke Rusia, Jerman dan Poland di sini malam tadi.

Beliau menegaskan, selain bekerja kuat, ahli perniagaan Malaysia perlu amanah, tidak menjual lesen, permit, kontrak dan sebagainya kepada orang lain untuk mendipat keuntungan cepat.

“Jika kita rajin, dalam dekad akan datang, kita akan sampai ke taraf intelektual, kecekapan dan sebagainya sama seperti orang Eropah,” katanya sambil menegaskan bahawa Eropah mengambil masa berabad-abad untuk mencipta tamadun seperti hari ini.

Dr. Mahathir juga menarik perhatian bahawa terdapat beberapa pemimpin Eropah yang menganggap Malaysia lebih maju daripada sesetengah negara Eropah yang lain.

Mengenai perdagangan Malaysia, beliau berkata, kerajaan mempunyai matlamat membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan.

Katanya, ini tidak mus-

tahil kerana sektor perdagangan menyumbang kira-kira 20 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, lebih tinggi berbanding Amerika Syarikat sebanyak 17 peratus dan Jepun hanya 10 peratus.

“Ini menunjukkan betapa pentingnya sektor perdagangan kepada pembangunan Malaysia,” ujarnya.

Beliau juga meminta usahawan Malaysia belajar dengan negara-negara maju khususnya dalam urusan perniagaan, pertukaran teknologi dan pengetahuan-pengetahuan lain yang berkaitan.

Katanya, usahawan Malaysia perlu belajar dan mencari jawapan, faktor kereta buatan Poland atau Korea Selatan, sebagai contohnya dapat dijual dengan harga yang murah berbanding kereta keluaran tempatan. — *Mingguan*